9. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Perdana. Menteri adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung, mengetuai Jemaah Menteri, dan kedua-duanya bersama-sama bertanggungiawab kepada Parlimen. Ini bermakna, Jemaah Menteri adalah bertanggungiawab kepada seluruh rakyat di negara ini.

10. Tiap-tiap negeri mempunyai Perlembagaan masing-masing. Perlembagaan Persekutuan menjamin pemeliharaan Perlembagaan Negeri. Pembahagian kuasa-kuasa pemerintah diantara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negri, juga dihuraikan dalam Perlembagaan Persekutuan.